

29/06/2001

Zarnet antara tiga pemenang utama Venture 2001

ZARNET, syarikat yang membangunkan 'pakatan pelancongan Islam sejagat' dengan membina pasaran percutian dan pelancongan bagi umat Islam menerusi Internet adalah antara tiga pemenang utama anugerah Venture 2001 yang diumumkan semalam.

Perkhidmatan menerusi Internet itu adalah untuk memenuhi keperluan khusus bagi pengembara di kalangan umat Islam di seluruh negara.

Venture 2001 adalah pertandingan rancangan perniagaan Malaysia yang pertama seumpamanya dan dibangunkan dengan matlamat menjadikan negara sebuah ekonomi keusahawanan.

Dua lagi pemenang utama yang dipilih antara 10 pasukan ialah Accelteam dan eSmart Team. Sebanyak 10 pasukan teratas pada fasa ketiga dan terakhir Venture 2001 itu turut menerima wang tunai berjumlah RM95,000.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan anugerah itu dalam satu majlis di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Pengerusi Eksekutif Mesdaq, Khairil Anuar Abdullah; Prinsipal McKinsey & Co Malaysia, Dr Nikolai Dobberstein dan Ketua Eksekutif Institut Pengurusan Malaysia, Dr Tarcisius Chin.

Ketiga-tiga organisasi itu adalah penganjur bersama Venture 2001 yang meliputi tiga fasa sejak dimula pada 7 November 2000.

Sebanyak 78 rancangan perniagaan penuh dikemukakan mengikut fasa III iaitu fasa terakhir. Secara keseluruhannya, Venture 2001 berjaya menarik 447 idea perniagaan dalam bidang teknologi maklumat (IT), Internet dan e-niaga.

Rancangan perniagaan Accelteam ialah sebuah Pembekal Perkhidmatan Aplikasi (ASP) bagi rumusan tertumpu kepada pelanggan dengan membangun serta menyokong portfolio perisian yang membantu syarikat mengekalkan pelanggan berharga.

Pasukan eSmart menerusi rancangan bertajuk 'sistem eSmart' membangun, memasar dan menyokong perisian untuk membuat tempahan masa permulaan permainan golf.

Tujuh lagi pasukan yang menerima anugerah itu ialah e-magineer, Inova Technology, k-wurx.com, merimen online, Orange Internet, Orenda dan Visual Edge.

(END)